

## inovasi

## UPM hasilkan makanan haiwan berasaskan isi rung kelapa sawit

Oleh Azman Zakaria  
dan Faizatul Farhana  
Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

► Serdang

**K**os pembelian makanan haiwan semakin mahal dipasaran antaranya disebabkan peningkatan harga ramuan import seperti jagung dan kacang soya.

Keadaan itu, mencetuskan idea kepada penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), menghasilkan produk inovasi dinamakan *Thohira Synbiotics*.

Produk itu dibangunkan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB), Prof Dr Shuhaimi Mustafa dan Pensyarah FBSB, Prof Madya Dr Yunus Abd Shukor dengan kerjasama Ketua Pegawai Eksekutif Halways Sdn Bhd, Muhamad Akhmal Hakim Roslan serta Ketua Pegawai Pengurusan syarikat sama, Muhamad Amin Jahari.

Shuhaimi yang juga ketua kumpulan penyelidik itu, berkata inovasi berkenaan menghasilkan makanan haiwan berasaskan isi rung kelapa

sawit (PKC) bersama sinbiotik yang membentuk enzim, protein dan metabolik bagi meningkatkan kandungan nutrisi serta prebiotik produk terbabit.

#### Galakkan tumbesaran

"PKC adalah sisa industri kelapa sawit yang mempunyai nutrisi rendah dan tidak sesuai untuk menjadi makanan ikan dan ayam, namun penggunaan dan rumusan *Thohira Synbiotics* berjaya meningkatkan nutrisinya, selain membolehkan ia digunakan di dalam formula makanan ternakan tanpa memberi kesan buruk kepada haiwan.

"Inovasi ini bukan sahaja menggalakkan tumbesaran haiwan ternakan dan menawarkan kos lebih ekonomik, tetapi juga meningkatkan keuntungan penternak," katanya ketika dihubungi.

Shuhaimi berkata, produk dibangunkan dalam kualiti suci, bersih dan sesuai digunakan penternak muslim itu menggunakan teknologi yang mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah import, seperti jagung serta kacang soya untuk makanan ternakan.

Beliau berkata, makanan ternakan mengandungi teknologi seperti *Thohira*



[FOTO SALEHA HARON (UPM)]

*Synbiotics* akan memiliki kandungan nutrisi dan prebiotik yang meningkatkan kualiti makanan, malah merangsang pertumbuhan mikro organisma baik di dalam sistem penghadaman haiwan.

Katanya, inovasi dilesenkan kepada syarikat Halways Sdn Bhd itu kini berada di pasaran melalui produk makanan ternakan industri akuakultur sejak Mac 2017, manakala bagi industri unggas syarikat berkenaan

sedang mengujinya di ladang ayam pedaging berskala komersial.

"Halways Sdn Bhd turut bekerjasama dengan NAFAS Freedmills Sdn Bhd iaitu anak syarikat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NA-

FAS) dalam mengaplikasikan teknologi *Thohira Synbiotics*, bertujuan menghasilkan produk makanan ternakan ekonomi berprestasi tinggi mengikut keperluan dan kehendak industri berskala besar," katanya.

#### info

→ RM100,000 pembiayaan kos pembangunan inovasi yang diperolehi melalui geran UPM  
→ 15 hingga 20 peratus kos penternak boleh dikurangkan  
→ Januari 2015 hingga Mac 2017 tempoh penyelidikan dijalankan

**Shuhaimi (tengah), Muhamad Akhmal** dan wakil NAFAS Freedmills Sdn Bhd, Saiful Nurul Iman Saipolbahari menunjukkan produk inovasi *Thohira Synbiotics* yang dibangunkan.